

Hamim tidak sertai barisan pembangkang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Parti Hizbul Muslimin (Hamim) tidak akan menyertai barisan pembangkang yang dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah atau Angkatan yang akan ditubuhkan oleh kumpulan Semangat 46.

Pemangku Timbalan Presiden Hamim, Datuk Sudin Wahab, berkata pendirian Hamim adalah jelas kerana kini ia masih menjadi kerabat Barisan Nasional dan tidak timbul soal bagi Hamim menyertai gabungan lain seperti Angkatan.

"Pucuk pimpinan tidak tahu menahu mengenai penubuhan parti baru itu dan ia tidak ada kaitan dengan Hamim walaupun pihak berkenaan mendakwa Hamim dikatakan bersetuju menyertai mereka," katanya ketika dihubungi di Alor Star, hari ini.

Datuk Sudin mengulas kenyataan pemimpin kumpulan Semangat 46 yang mendakwa Hamim adalah di antara beberapa parti yang bersetuju pada dasarnya menyertai Angkatan.

Berjasa, Pas dan beberapa parti Melayu yang masih menjadi keluarga BN dari Sabah dan Sarawak juga dikatakan turut "ditarik" menyertai barisan pembangkang itu.

Pihak berkenaan bercadang untuk mendaf-

tar parti baru itu dalam masa sebulan dua ini.

Beliau berkata, Hamim perlu berhati-hati dalam sebarang tindakannya, terutama berkaitan perkembangan politik kebangsaan ini, lebih-lebih lagi wujudnya "mainan politik" oleh pihak tertentu.

"Hamim cuba dimomok-momokkan oleh golongan berkenaan, tetapi ia tidak begitu mudah terpengaruh dan tunduk dengan sebarang tekanan atau pujukan.

"Pihak berkenaan tidak seharusnya menyalahertikan pendirian Hamim seolah-olah ia menghadapi masalah dalam BN sehingga boleh mengambil kesempatan seperti seperti yang dilakukan terhadap sebuah parti komponen BN lain," katanya.

Menurut beliau, pucuk pimpinan Hamim tidak pernah didekati oleh pihak berkenaan dan tidak tahu langsung rancangan penubuhan Angkatan, tetapi anihnya mereka mendakwa Hamim mahu menyebelahi dan menyertai gabungan mereka.

"Hamim memang mengamalkan sikap terbuka dengan mana-mana pihak di segi mewujudkan kerjasama, tetapi apa yang berbeza ialah pendekatan perjuangannya.